

JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.06.01/10.12/22Jld. 2 (51)

10 Mei 2021

PEKELILING PELAJAR BIL. 6/2021

ARAHAN TERKINI BERKAITAN DENGAN PERINTAH KUARANTIN (SEKATAN PERGERAKAN KELUAR MASUK) BAGI KAWALAN PEREBAKAN PENYAKIT BERJANGKIT

Dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Pusat kesihatan Daerah (PKD) Kulai telah mengeluarkan notis arahan Subseksyen 18(1)(f) Akta Pencegahan dan pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), PERINTAH KUARANTIN (SEKATAN PERGERAKAN KELUAR MASUK) bagi kawalan perebakan penyakit berjangkit mulai 9 hingga 19 Mei 2021.

2. Tiga kolej kediaman yang telah dikenal pasti ialah Kolej Datin Seri Endon (KDSE), Kolej Tun Dr Ismail (KTDI) dan Kolej Tun Hussein Onn (KTHO). Kawalan Pergerakan Diperketatkan di KDSE, KTDI dan KTHO adalah di bawah Bahagian Keselamatan, Jabatan Pendaftar.

3. Sehubungan itu, mohon mengambil maklum berhubung perkara berikut :

- i) Pelajar dari Kolej KTDI / KTHO / KDSE adalah **tidak dibenarkan keluar** daripada kolej termasuk bagi tujuan mendapatkan keperluan harian atau yang telah diluluskan pulang ke kampung;
- ii) Bagi pelajar dari Kolej KTDI / KTHO / KDSE yang telah membeli tiket penerbangan untuk pulang ke kampung diminta **menjadualkan semula tarikh penerbangan pulang**;
- iii) **Pelawat / Ibu Bapa / E-Hailing tidak dibenarkan untuk masuk** ke kolej KTDI/ KTHO/ KDSE;
- iv) **Bekalan makan** (sarapan pagi, makan tengah hari dan makan malam) untuk pelajar dari kolej KTDI/ KTHO/ KDSE **akan disediakan** oleh pihak katerer lantikan Jabatan TNC (HEP);
- v) **Pelajar dari kolej lain adalah tidak dibenarkan masuk** ke dalam kawasan kolej KTDI/ KTHO/ KDSE;
- vi) **Pergerakan pelajar dari kolej lain hanya dibenarkan dalam kampus UTM sahaja** sehingga 'contact tracing' selesai dijalankan;

- vii) **Tarikh kemasukan pelajar** adalah **DITANGGUHKAN sehingga tamat perkuliahan Semester II, Sesi 2020/2021** (Peraturan ini terpakai juga kepada pelajar yang telah diluluskan untuk pulang ke kampus dengan tarikh yang lebih awal termasuk kelulusan melalui Sistem UTMSMART.

4. Semua pelajar hendaklah sentiasa mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* sedia ada dan patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti.


Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

Sekian.

“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Universiti Teknologi Malaysia

b.p. Naib Canselor

✉ : shamsul@utm.my